



HANUDIN (empat kiri) bersama pelajar cemerlang FKAL Semester 2 2016/2017.

107 pelajar terima Anugerah Dekan FKAL

UB 17.11.2017. B7

LABUAN: Seramai 107 pelajar Tahun Satu dan Tahun Dua telah menerima Anugerah Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Semester 2 2016/2017 di Dewan Theatrette, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu.

Majlis itu disempurnakan oleh Dekan FKAL Prof Madya Dr Hanudin Amin.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Dekan, Dr Mohd Fahmi Mohd Ghazali dan Dr Mohamad Rizal Abdul Hamid serta pensyarah fakulti berkenaan.

Dalam ucapannya, Hanudin mahu pelajar terus

mendampingi ilmu tanpa rasa jemu.

Beliau juga berharap mereka meneruskan kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga alam pekerjaan kelak.

“Pelajar harus menghargai ilmu yang diperolehi daripada pensyarah masing-masing. Anda harus mengekalkan kecemerlangan itu,” katanya.

Hanudin menasihatkan pelajar agar menjaga etika pembelajaran.

Pada masa sama, beliau mengucapkan terima kasih atas usaha gigih pensyarah mendidik dan membimbing pelajar mereka sehingga beroleh

kejayaan yang cemerlang.

“FKAL akan terus melahirkan pelajar cemerlang dalam akademik sekali gus mengharumkan nama UMS di persada antarabangsa dan kebangsaan. Terima kasih saya ucapan kepada semua pensyarah,” katanya.

Pada majlis itu, Pensyarah FKAL Ruth Sikopit Siganul yang akan bersara pada tahun ini menerima cendera kenangan.

Manakala kakitangan fakulti itu, Mohd Nurulizam Tinggal yang berpindah ke Sektor Hal Ehwal Pelajar turut menerima cenderamata daripada Hanudin.